

# Parti pembangkang dan ahli akademik ragui rancangan sosio ekonomi Dr. M.

Oleh DOUGLAS TAY

UM 1.6.10.1989

**K**UALA LUMPUR, 15 Julai — Kalangan parti pembangkang dan ahli-ahli akademik di samping mengalu-alukan langkah positif kerajaan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, telah menyatakan keraguan mereka terhadap rancangan-rancangan sosio ekonominya.

Mereka berpendapat, banyak lagi langkah dan usaha yang perlu dijalankan untuk mencapai cita-cita membina sebuah negara yang dihormati dunia.

Kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir juga digesa supaya melanjutkan usahanya untuk melaksanakan konsep dan prinsip Islam secara lebih menyeluruh, di samping berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mewujudkan perpaduan negara.

Yang Dipertua Parti Islam se Malaysia (PAS), Datuk Haji Asri Haji Muda berkata: "Jika diibaratkan dari jarak dekat, Datuk Sri Dr. Mahathir telah menun-

gingira kaum dan kepercayaan agama.

Datuk Haji Asri berpendapat, sekiranya perkara itu dapat dikemukakan, ia akan merupakan titik permulaan yang nyata dalam usaha melaksanakan hukum dan dasar Islam secara menyeluruh pada masa akan datang.

Selain itu, katanya, kerajaan juga akan mendapat perhatian yang lebih baik dan lebih wajar lagi.

Mengenai usaha kerajaan membenters rasuah dan penyelewengan-penyeleweng di negara ini, Yang Dipertua PAS itu berkata beliau "tidak keberatan untuk memberikan tahniah kepada polis, tentera dan kerajaan".

Timbalan Setiausaha Agung DAP, Encik Lee Lam Thye berkata beliau tidak menafikan bahawa pentadbiran Datuk Sri Dr. Mahathir telah membawa perubahan-perubahan yang positif dalam jabatan-jabatan kerajaan.

"Tetapi, jika dipandang

Keselamatan Dalam Negeri dan beberapa undang-undang buruh.

Sementara itu, seorang lagi pengkritik sosial, Profesor Syed Husin Ali dari Universiti Malaya menyatakan bahawa "stail" Perdana Menteri sekarang adalah lebih tegas.

Katanya, walaupun ada usaha untuk menyebarkan sedikit unsur-unsur Islam "tetapi pada asasnya beliau masih melanjutkan dasar yang diwarisi Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj dari British, dipinda serta diperkukuh oleh (Allahyarham) Tun Abdul Razak dan diteruskan oleh Tun Hussein Onn".

"Pada pokoknya, dasar itu ialah untuk membangunkan negara melalui sistem kapitalis yang menjamin penyeriaan lebih luas bagi orang Melayu," tambahnya.

Profesor yang sangat berminat dalam kajian tentang kemiskinan itu berkata Datuk Sri Dr. Mahathir "tidak dapat menyelesaikan masalah sosio ekonomi rakyat seperti pendapatan yang menurun dan sebagainya".

Katanya lagi, "Perdana

gasnya.

Beliau berpendapat, meskipun Perdana Menteri tidak akan bersetuju, tetapi dasar lama yang dilanjutkan dengan stail yang lebih tegas itu akan meneruskan proses melebarkan jurang sosio ekonomi, iaitu "yang kaya akan bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin".

Ditanya tentang usaha kerajaan membasmi rasuah, profesor itu berkata bahawa Perdana Menteri mempunyai niat yang baik dalam usaha tersebut, tetapi sama ada ia akan dilaksanakan atau tidak masih merupakan tandatanya.

"Yang jelas ialah dalam setahun yang berlalu di bawah pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir, banyak ikan paus dan ikan yu telah terlepas daripada tindakan undang-undang", tegasnya lagi.

Profesor sejarah Universiti Malaya, Khoo Kay Kim berkata rakyat bukan Melayu dapat merasa bahawa kerajaan sekarang bermaksud untuk berlaku adil.

"Tentu sekali kerajaan tidak dapat memberikan se-

jukkan suatu prestasi yang baik meskipun jarak yang perlu ditempuhnya masih terlalu jauh”.

Katanya ketika diminta mengulas kerajaan yang genap satu tahun di bawah pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Perdana Menteri dalam keadaan sehari dua ini telah berjaya menarik perhatian umum, khususnya perhatian dunia Islam dengan mengemukakan beberapa projek.

Projek-projek yang dimaksudnya itu ialah penubuhan Bank Islam Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa.

Walau bagaimanapun, Datuk Haji Asri yang begitu teliti dengan pemilihan kata-katanya menegaskan bahawa dua projek itu, dari segi pandangan Islam keseluruhannya, “tidaklah mamadai”.

“Soal yang penting yang perlu difikirkan bersama ialah cara pelaksanaan yang meyakinkan ke arah terlaksananya konsep dan prinsip Islam di negara ini,” tambahnya.

Beliau berharap kerajaan

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan meneliti perakuan-perakuan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam lapan tahun dahulu tentang memasukkan beberapa fasal hukum Islam ke dalam Kanun Keseksaan.

Fasal-fasal itu adalah khusus mengenai soal undang-undang khalwat, zina dan bersekedudukan dan hendaklah dijalankan secara menyeluruh tanpa

dari keseluruhannya, masalah-masalah yang dihadapi oleh negara seperti perpaduan negara, penindasan kelas dan keadilan hak masih belum di atasi oleh kerajaan sekarang,” katanya.

Bagaimanapun ahli Parlimen Kuala Lumpur Bandar itu mengulangi seruan DAP supaya kerajaan menjadikan BPR sebuah badan yang bebas bertindak dan tidak tertakluk kepada pengaruh kerajaan.

Presiden Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN), Dr. Chandra Muzaffar mengatakan bahawa kerajaan Datuk Sri Dr. Mahathir telah mengubah sedikit suasana masyarakat negara ini secara positif.

Mengenai rasuah, beliau yang juga pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) itu berkata matlamat untuk membentaras rasuah “tidak dapat dijayakan tanpa perubahan-perubahan yang mendalam pada sistem ekonomi, undang-undang dan pendidikan negara”.

Dr. Chandra Muzaffar menambah, sistem ekonomi yang menggalakkan sikap komsumerisme dan sistem pendidikan yang gagal menyematkan sifat hidup sederhana tidak dapat mencegah rasuah.

Beliau juga berharap Perdana Menteri akan menghapuskan beberapa akta yang telah mengongkang kebebasan rakyat, termasuk Akta Pertubuhan, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta

Menteri tidak dapat menyelesaikan masalah itu selagi ekonomi politik negara ini terus bergantung kepada negara-negara maju, tidak kira di Barat atau Timur”.

Profesor Syed Husin juga berkata bahawa kerajaan nampaknya meneruskan rancangan-rancangan yang mahal-mahal dan mewah-mewah di kawasan-kawasan bandar dalam keadaan ekonomi yang meruncing ini.

Katanya, di ibu kota misalnya rancangan-rancangan seperti daya bumi, bas udara dan lapangan terbang memakan belanja beratus-ratus juta ringgit.

“Tetapi kita belum lagi mendengar dalam jangka masa begitu pendek, sebanyak itu wang dibelanjakan untuk petani-petani di kawasan-kawasan paling mundur di negara ini” te-

mua kepada setiap orang atau pihak, tetapi ia berlaku adil,” tambahnya.

Katanya, langkah kerajaan memperbaiki imej dan kecekapan perkhidmatan awam merupakan usaha yang tepat untuk mengatasi segala kelemahan yang ada pada perkhidmatan itu.

“Kestabilan masyarakat bergantung kepada perkhidmatan awam yang menjalakan tugasnya. Kaki-tangan perkhidmatan itu mestilah mempunyai semangat untuk berkhidmat kepada rakyat”, ujarnya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya Dr. Mahfodz Mohamad berkata kerajaan Datuk Sri Dr. Mahathir telah “menampakkan kesinnguhan untuk melaksanakan konsep cekap, bersih dan amanah”.